



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

ALLAH DOES NOT TYRANNISE HIS BELIEVER SERVANT
ALLAH TIDAK MENZALIMI HAMBA NYA BERIMAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Anzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Dagbestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sobba, wal khayru fil jamiyya.*

Hanya Junjungan kita Rasulullah ﷺ boleh memberi gambaran yang amat jelas berkisar Keagungan dan Kebesaran Allah ﷻ. Minda dan imaginasi kita tidak boleh menjangkau keagungan Nya. Sesungguhnya agama Islam memberi gambaran yang jelas tentang sifat sifat dan dzat Allah ﷻ. Seorang Muslim berpuas hati dengan gambaran kekuasaan Allah tetapi orang orang yang bukan Muslim kecewa dengan gambaran itu.

Mereka hilang pegangan terhadap agama. Mereka gambarkan Allah seperti manusia, nauzubillah min dzalik.. Mana boleh buat bandingan sedemikian. Kerana tidak dapat penjelasan dan gambaran yang jelas mereka menjadi orang yang tidak beriman.

Allah ﷻ menunjuk kekuasaan Dia. Setiap orang mukmin melihat dengan jelas setiap masa akan kekuasaan dan keagungan nya. Mereka tidak melihat entiti nya tetapi kepada sifat dan dzat nya dan perlaksanaannya. Justru dengan ini mereka beriman Misalannya di sini ada salji, Di tempat lain ada kemarau dan hujan di tempat yang dia kehendaki. Dia Maha Berkuasa atas segala nya. Sekarang, ada berpendapat teknologi baru boleh buat segala nya. Mereka pasti tidak boleh laksana sedikit pun.

Allah Maha kuasa dan Allah tidak menzalimi hamba nya yang beriman. Dia menguji setakat kesanggupan orang orang yang beriman. Kenapa kita berkata demikian? Jangan kita di landa dengan perasaan waswas dengan kesaan Allah. Allah Maha Pengampun dan waswas datang dari Shaitan. Ada yang melaksanakan wudhu berjam jam kerana di hantui dengan perasaan waswas. Laksanakan wudhu secepat mungkin, Shaitan cuba dengan sedaya nya unyuk menghindar mu dari bershalat. Bershalat dengan berkat kalimat Bismillah, dan terus bershalat.



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

Jangan berwaswas dengan berlengah dan beralih seraya di hanyut dalam bisikan Syaithan “Sudah buat rakaat ini atau tidak”. Allah insyAllah menerima ibadah mu atas niat mu. Dia tidak pandang kepada perkara yang remeh temeh. Allah ﷻ adalah Arahmanur Rahimin. Anda berhadapan dengan ‘wajah’ Allah yang Maha Esa. Dia akan membalas mu dengan pahala berlipat ganda untuk shalat yang anda laksanakan. Jangan berwaswas bila berhadapan dengan Allah dan jangan turuti kehendak. Ada orang berkata, “ kita hendak buat lebih baik dan lebih banyak” dan ini membebankan orang ke tahap mereka langsung tidak buat ibadah.

Jangan membenani dan menyiksa diri anda semua. Waswas itu dari syaithan bukan Allah. Allah Maha Pengampun, dan Dia tidak perlu ibadah kita. Kita harus mentaati perintah nya untuk berwudhu dan bershalat. Maka laksanakan perintah itu tanpa berwaswas. Moga Allah menerimanya.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
29 December 2016/29 Rabiul Awwal 1438
Sabah Namaz, Akbaba Dargah